

Tawaran kerja pada firma guaman anti kerajaan mungkin ditarik balik — PM

Oleh Razak Ali

KUALA LUMPUR 13 Jan. — Kerajaan mungkin menarik balik tawaran kerja yang diberikan kepada firma guam

anti kerajaan, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan masih menunggu desakan bertulis daripada Pergerakan Pemuda UMNO mengenai perkara tersebut dan bersedia

untuk menimbangkannya.

Beliau menegaskan, walaupun kerajaan tidak mahu memaksa firma guaman menyokong kerajaan tetapi pada masa yang sama, kerajaan juga tidak seharusnya menyokong firma-firma yang tidak menyokong kerajaan.

"Dengan itu, kita juga mungkin akan berhenti memberi wang yang banyak kepada mereka yang digunakan untuk aktiviti-aktiviti yang tidak bermanfaat seperti yang dibuat oleh Majlis Peguam," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Baru-baru ini, Pemuda UMNO meminta kerajaan mengkaji semula pemberian awaran kerja kepada firma guaman yang bersifat anti kerajaan dengan memburukkan kerajaan di luar negara.

Ketuanya, Dato' Sri Najib Tun Razak ketika berkata demikian selepas mesyuarat exco pergerakan itu di sini berkata, pihaknya difahamkan firma-firma guaman mendapat faedah yang banyak hasil kerja yang diberikan oleh kerajaan.

Dato' Sri Najib yang ditemui hari ini pula berkata, pihaknya telahpun menyediakan desakan bertulis mengenai perkara tersebut dan akan menghantamnya kepada kerajaan secepat mungkin.

Perdana Menteri seterusnya berkata, walaupun Majlis Peguam cuba menafikan bahawa mereka memburuk-burukkan kerajaan di luar negara, tetapi kerajaan mempunyai bukti mengenainya.

Katanya, majlis itu cuba menyingkirkan Ketua Hakim Negara, bukan hanya dengan dakwaan menghina mahkamah

LIHAT MUKA 2

MUNGKIN DITARIK BALIK

tetapi juga mahu Ketua Hakim Negara dipenjarakan.

Beliau berpendapat memburuk-burukkan nama negara sendiri bukanlah sesuatu yang harus dilakukan oleh warga-negara yang mempunyai rasa cinta kepada negara.

"Hanya orang yang tak cinta negara sanggup berbuat demikian dengan menceritakan perkara-perkara yang bohong kepada orang lain.

"Ini saya dapat tahu sendiri semasa berada di New York, orang sana kata, mereka dapat laporan daripada Majlis Peguam sendiri, bahkan mereka menamakan orang yang menyampaikan maklumat," ujar beliau tetapi enggan memberitahu nama orang yang menyampaikan maklumat tersebut.

Menjawab satu soalan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan belum mahu menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana tindakan Majlis Peguam itu belum sampai ke tahap mengancam keselamatan negara.

Kepada satu soalan lain, beliau menegaskan bahawa kerajaan tidak menghentam Majlis Peguam, tetapi merekalah (Majlis Peguam) yang menghentam kerajaan di luar negara.

Mengenai tindakan Persatuan Peguam Antarabangsa yang menghantar surat kepada beliau dan Menteri Kehakunan, Syed Hamid Albar yang membantah tindakan meminda Akta Profesion Undang-Undang 1976, Perdana Menteri berkata:

"Itu memang cara Majlis Peguam, selalu menggunakan orang asing terhadap negara kita."